



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


29 JANUARI 2022

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 267 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 247,379 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 202 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 238,900 orang. Manakala 775 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 348 orang di hospital, 413 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 14 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 18 orang merangkumi 15 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan lapan (8) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 11 (18.33%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon hijau ke zon kuning manakala Kudat berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian kembali berada di bawah paras 300 dengan mencatatkan 267 kes hari ini. Jumlah ini adalah 91 kes lebih rendah daripada semalam.
- b. Lapan (8) daerah mencatatkan kes harian dua (2) angka, sama dengan jumlah daerah semalam tetapi Tuaran melompat ke tangga teratas dengan 55 kes baharu, 16 kes lebih tinggi daripada sebelumnya. Sandakan mencatatkan 53 kes (+12), Kota Kinabalu 53 kes (-13), Tawau 22 kes (-2) dan Penampang 14 kes (-18).
- c. Cuma 16 kes baharu daripada kluster-kluster aktif direkodkan hari ini. Hampir 17% atau 45 kes melibatkan kanak-kanak bawah umur 12 tahun yang belum layak menerima vaksin. Seramai 13 orang lagi pesakit adalah mereka yang belum divaksin walaupun layak memperolehinya.
- d. Semalam, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menutup dengan serta merta mana-mana sekolah yang diisyiharkan pencetus kluster. Keputusan ini dibuat untuk melindungi lebih ramai pelajar-pelajar dan guru-guru daripada jangkitan dan memastikan jangkitan tersebut dapat dibendung atau ‘localised’ dan tidak merebak ke tempat lain.
- e. Tindakan drastik ini juga adalah peringatan kepada semua pengurusan sekolah termasuk guru-guru, murid-murid dan ibu bapa agar mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengurangkan risiko jangkitan keatas murid-murid dan guru-guru sekolah. Semua SOP di tempat kerja / sekolah hendaklah dikuatkuasakan secara ketat.
- f. Sebanyak 264 daripada 267 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2 serta satu (1) kes masing-masing dalam Kategori 3, Kategori 4 dan Kategori 5.

g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (131) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	16	5.99%
2	Kontak	131	49.06%
3	Bergejala	104	38.95%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	16	5.99%
<b>JUMLAH</b>		<b>267</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (28 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 28/01/2022	Catatan Kes 29/01/2022	Perbandingan
1	Tuaran	39	55	+16
2	Sandakan	41	53	+12
3	Kuala Penyu	0	6	+6
4	Tenom	0	6	+6
5	Kudat	6	7	+1
6	Lahad Datu	6	7	+1
7	Nabawan	0	1	+1
8	Semporna	2	2	Mendatar
3	Kalabakan	0	0	Mendatar
10	Tongod	0	0	Mendatar
11	Sipitang	0	0	Mendatar
12	Beluran	0	0	Mendatar
13	Pitas	0	0	Mendatar
14	Beaufort	27	2	-25
15	Penampang	32	14	-18
16	Kota Belud	17	1	-16
17	Kota Marudu	19	4	-15
18	Kota Kinabalu	66	53	-13
19	Papar	22	12	-10
20	Putatan	20	10	-10
21	Kinabatangan	7	0	-7
22	Tambunan	8	2	-6
23	Kunak	4	0	-4
24	Ranau	13	10	-3
25	Keningau	3	0	-3
26	Tawau	24	22	-2
27	Telupid	2	0	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>358</b>	<b>267</b>	<b>-91</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (15 Januari – 28 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Tuaran	1	47	5	0	2	55	390
Kota Kinabalu	0	29	22	0	2	53	591
Sandakan	0	14	39	0	0	53	408
Tawau	6	4	6	0	6	22	137
Penampang	0	7	6	0	1	14	296
Papar	5	2	5	0	0	12	196
Putatan	0	8	2	0	0	10	155
Ranau	0	5	4	0	1	10	157
Lahad Datu	0	1	4	0	2	7	51
Kudat	0	2	5	0	0	7	22
Tenom	0	4	2	0	0	6	50
Kuala Penyu	0	5	1	0	0	6	34
Kota Marudu	2	2	0	0	0	4	207
Beaufort	2	0	0	0	0	2	186
Tambunan	0	1	1	0	0	2	73
Semporna	0	0	1	0	1	2	9
Kota Belud	0	0	1	0	0	1	87
Nabawan	0	0	0	0	1	1	1
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	73
Kunak	0	0	0	0	0	0	16
Keningau	0	0	0	0	0	0	85
Telupid	0	0	0	0	0	0	10
Sipitang	0	0	0	0	0	0	36
Beluran	0	0	0	0	0	0	29
Pitas	0	0	0	0	0	0	10
Tongod	0	0	0	0	0	0	2
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	3
<b>JUMLAH</b>	<b>16</b>	<b>131</b>	<b>104</b>	<b>0</b>	<b>16</b>	<b>267</b>	<b>3,314</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Beaufort	Kluster Montenior	2
Kota Marudu	Kluster Jalan Teritipan	2
Tawau	Kluster Jalan Sri Balung	6
Papar	Kluster Persiaran Palma	5
Tuaran	Kluster Persiaran Palma	1
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,679 unit

- Hospital 1,156 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,333 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 21.07%.

**B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 29 JANUARI 2022**

i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	263
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	4
<b>Jumlah</b>	<b>267</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	249
Bukan Malaysia	18
<b>Jumlah</b>	<b>267</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	45
Belum Menerima Vaksin	13
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	171
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	38
<b>Jumlah</b>	<b>267</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	12
6 to 11	30
12 to 17	32
18 to 25	44
26 to 59	131
>60	15
<b>Jumlah</b>	<b>267</b>

**C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 28 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,878 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,828 orang adalah penduduk dewasa dan 50 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 28 Januari 2022 adalah seramai 2,454,115 orang. Ini meliputi 2,116,859 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.74% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,409,936 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,116 orang atau 76.03% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,256 orang atau 77.71% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,820 atau 72.08% orang setakat ini.

**D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **680,025** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 15,968 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 52 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 195 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 75 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,320 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 211 premis perniagaan dan 268 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 321 Premis Perniagaan melibatkan 163 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 44 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 52 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.6%
2	Semporna	98.5%
3	Kudat	98.4%
4	Beluran	98.4%
5	Kinabatangan	98.2%
6	Kota Marudu	98%
7	Beaufort	98%
8	Lahad Datu	98%
9	Sandakan	98%
10	Papar	98%
11	Kota Kinabalu	98%
12	Keningau	98%
13	Tawau	97.9%
14	Sipitang	97.8%
15	Tenom	97.8%
16	Kota Belud	97.8%
17	Ranau	97.8%
18	Tuaran	97.8%
19	Penampang	97.7%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**